

05 OCT 2003

LIMA-Idea

K'JAAN SEDANG KAJI IDEA BARU BAGI PENGANJURAN LIMA LEBIH BAIK - NAJIB

LANGKAWI, 5 Okt (Bernama) -- Kerajaan menimbangkan untuk melaksanakan idea-idea baru bagi pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) yang lebih baik di masa depan, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

"Kami mempunyai beberapa idea baru tetapi ia masih di peringkat perbincangan. Masih terlalu awal bagi saya untuk menyatakan apa yang kami akan lakukan tetapi objektif kami ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pameran maritim dan udara di rantau ini dan sebuah daripada yang terbaik di dunia," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyumbangkan beberapa idea dan kami "akan membuat susulan terhadapnya" katanya.

"Jika ia berjaya, kami akan beritahu anda," kata Najib, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet bagi LIMA '03, pada sidang media pada hari keenam dan terakhir LIMA '03.

Dr Mahathir pada Jumaat berkata beliau akan membantu pameran LIMA di masa depan selepas beliau bersara pada akhir bulan ini.

"Kami akan berbincang dengan beliau. Beliau masih lagi Perdana Menteri, sebaik sahaja beliau bersara dan berehat secukupnya, kami akan berbincang dengan beliau mengenai peranan yang beliau boleh mainkan (bagi LIMA).

"Beliau telah memberikan jaminannya untuk membantu dan saya yakin beliau akan mempunyai peranan yang sesuai untuk dimainkan," katanya.

Kepada satu soalan jika kerajaan mempunyai sebarang perancangan untuk memantau harga tinggi makanan dan penginapan di pulau peranginan ini semasa LIMA, Najib berkata trend itu adalah biasa di seluruh dunia apabila sesuatu acara antarabangsa berlangsung.

"Kita perlu faham pemilik hotel di Langkawi menghadapi tekanan semasa wabak SARS (Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk) dan kehilangan banyak pelancong tetapi sekiranya mereka boleh mendapat sedikit keuntungan sekarang, ia boleh menampung kerugian mereka semasa wabak SARS," katanya.

-- BERNAMA

SR MAD RHM